

**TERMA DAN SYARAT**  
**Kempen “CIMB Q1 2025 TIA-i Bundle with CASA/-i”**

1. Kempen “**CIMB Q1 2025 TIA-i Bundle with CASA/-i**” (“Kempen”) adalah dianjurkan bersama oleh CIMB Bank Berhad [No. Pendaftaran: 197201001799] (“**CIMB Bank**”) dan CIMB Islamic Bank Berhad [No. Pendaftaran: 200401032872] (“**CIMB Islamic**”). Kedua-dua CIMB Bank dan CIMB Islamic hendaklah secara kolektif dirujuk sebagai “**CIMB**”.

#### **Tempoh Kempen**

2. Kempen akan berlangsung dari **17 Mac 2025 hingga 31 Mei 2025**, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”) atau apabila mencapai penempatan maksimum sebanyak **Ringgit Malaysia Dua Bilion** (RM2,000,000,000.00), yang mana lebih awal.
3. a. Walau apa pun dinyatakan dalam Klaus 24 (a), CIMB mengekalkan haknya, dari semasa ke semasa, untuk mengubah Tempoh Kempen, Kadar Kempen dan/atau kriteria/keperluannya (“Pengubahan Tempoh Kempen, Kadar atau Kriteria”), dengan memberi notis kepada Pelanggan yang Layak menerusi:
  - i. pengumuman di laman sesawang CIMB; dan/atau
  - ii. notis di cawangan-cawangan CIMB ; dan/atau
  - iii. sebarang bentuk notifikasi yang boleh dipilih oleh CIMB.  
b. Pengubahan Tempoh Kempen, Kadar atau Kriteria hendaklah dianggap sebagai terikat ke atas Pelanggan yang Layak pada tarikh yang dinyatakan oleh CIMB dalam notifikasi berkenaan.  
c. Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang CIMB dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma dan Syarat. Kempen ini dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti apa-apa Perubahan Kadar atau Kriteria.

Apa-apa Pengubahan Kadar Kempen berdasarkan 3 (a.) di atas adalah tidak terpakai kepada mana-mana penempatan Akaun Pelaburan Berjangka-i (“TIA-i”) yang telah dibuat sebelum tarikh berkuatkuasanya Pengubahan Kadar tersebut

#### **Kelayakan**

4. Tertakluk kepada Terma dan Syarat di sini, Kempen ini terbuka kepada semua pemegang akaun CIMB baharu dan sedia ada dengan Akaun Semasa/-i dan/atau Akaun Simpanan/-i CIMB (“CASA-i”) yang dibuka di Malaysia yang disenaraikan di bawah:

<b>Akaun Semasa dan Simpanan (“CASA”)</b>	<b>Akaun Semasa-i dan Simpanan-i (“CASA-i”)</b>
a. Akaun Simpanan Asas; b. Akaun Simpanan Asas Senior; c. Akaun Simpanan Senior; d. Akaun Simpanan Petronas; e. Akaun AirAsia Savers; f. Akaun Simpanan; g. Akaun Semasa Asas; h. Akaun Semasa;	a. Akaun Simpanan Asas-i; b. Akaun Simpanan EcoSave-i; c. Akaun Simpanan-i OctoSavers; d. Akaun Simpanan-i Plus; e. Akaun Simpanan Asas Senior-i; f. Akaun Simpanan Senior-i; g. Akaun Simpanan-i Preferred; h. Akaun Simpanan-i;

- |                                                                                                                              |                                                                                                                                                                                         |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"><li>i. Akaun Semasa Asas Senior;<br/>dan/atau</li><li>j. Akaun Semasa Preferred.</li></ul> | <ul style="list-style-type: none"><li>i. Akaun Semasa Asas-i;</li><li>j. Akaun Semasa-i;</li><li>k. Akaun Semasa Asas Senior-i; dan/atau</li><li>l. Akaun Semasa-i Preferred.</li></ul> |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

Pemegang akaun yang disebutkan di atas hendaklah termasuk tetapi tidak terhad kepada:-

- a. pelanggan yang bukan pemastautin; dan/atau
- b. kakitangan atau pekerja tetap, sambilan dan/atau kontrak CIMB dan/atau CIMB Bank dan/atau CIMB Investment Bank Berhad [No. Pendaftaran: 197401001266] (*termasuk subsidiari dan syarikat berkaitan mereka masing-masing*) yang menyertai Kempen ini melalui Akaun Semasa/-i dan/atau Akaun Simpanan/-i (“CASA-i”) bukan gaji CIMB mereka.

Pemegang akaun yang disebutkan di atas hendaklah selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai “**Pelanggan Layak**” dan semua CASA/-i yang layak untuk menyertai Kempen ini hendaklah selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai “**CASA/-i Layak**”.

5. Untuk mengelakkan keraguan kepada peruntukan Klausus 4 di atas, orang/entiti berikut **TIDAK** akan layak untuk menyertai Kempen ini: -
  - a. Pemilikan Tunggal, Perkongsian, Organisasi/Pertubuhan Amal/Organisasi Bukan Untungan, Syarikat Awam, Syarikat Sendirian Berhad, Kelab, Persatuan dan Pelanggan Korporat dan Komersial; dan/atau
  - b. Individu di bawah umur lapan belas (18) tahun.

Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak mengesahkan bahawa beliau tidak termasuk dalam kategori orang/entiti yang dikecualikan di atas.

6. Untuk pemegang akaun bersama CASA/-i Layak baru dan sedia ada yang dikekalkan dengan CIMB, hanya pemegang akaun yang pertama dinamakan, iaitu pemegang akaun utama akan layak untuk menyertai Kempen ini.

### Mekanik Kempen

7. Di bawah Kempen ini, Pelanggan Layak yang memenuhi kriteria penyertaan berikut dan mematuhi semua syarat yang ditetapkan dalam bahagian “**Mekanik Kempen**” ini dan Jadual 1 Klausus 11 di bawah akan layak untuk dianggap sebagai “**Peserta Layak**” dan akan menikmati Kadar Indikatif Kempen (kadar yang dinyatakan dalam Jadual 1 Klausus 11 di bawah) atas pulangan matang bagi Akaun Pelaburan Berjangka-i mereka (“**TIA-i**”).
  - a. Pelanggan Layak dikehendaki mendeposit dan menempatkan dana secara serentak ke dalam CASA/-i Layak dan TIA-i Pelanggan Layak semasa Tempoh Kempen; **DAN**
  - b. Deposit dan penempatan dana ke dalam CASA/-i Layak dan TIA-i mesti dilakukan di kaunter sahaja di mana-mana cawangan CIMB semasa Tempoh Kempen; **DAN**
  - c. **Pelanggan Layak dikehendaki untuk mengekalkan penempatan TIA-i minimum Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000.00) dengan penempatan peruntukan minimum Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000.00) dalam CASA/-i Layak untuk tempoh enam (6) bulan bermula dari tarikh deposit dan penempatan sedemikian semasa Tempoh Kempen; DAN**
  - d. Deposit dan penempatan dana ke dalam CASA/-i Layak dan TIA-i hendaklah terdiri sepenuhnya daripada **Dana Baharu** (ditakrifkan di Klausus 8 di bawah) yang didepositkan dengan CIMB.

- e. Amaun maksimum untuk penempatan TIA-i adalah **Ringgit Malaysia Dua Juta Lima Ratus Ribu** (RM2,500,000.00) dan penempatan peruntukan maksimum dalam CASA/-i Layak adalah **Ringgit Malaysia Dua Juta Lima Ratus Ribu** (RM2,500,000.00), tertakluk kepada Nisbah Penempatan yang ditetapkan dalam Jadual 1 Klaus 11 di bawah.
8. Penempatan dana yang dirujuk dalam Klaus 7 di atas hendaklah terdiri sepenuhnya Dana Baharu. **“Dana Baharu”** untuk tujuan Kempen ini hendaklah bererti wang atau dana yang bukan berasal dari CIMB, tetapi wang atau dana yang telah dipindahkan, dikreditkan atau dibayar ke dalam CASA/-i Layak dan/atau TIA-i Pelanggan Layak dari bank dan/atau institusi kewangan lain melalui cara apa pun termasuk tetapi tidak terhad kepada:
- Penempatan Tunai; dan/atau
  - Interbank Giro Transfers (IBG) / Instant Funds Transfer (IBFT)*; dan/atau
  - Pemindahan Telegraf / *Real Time Electronic Transfer of Funds and Securities (RENTAS)*; dan/atau
  - Cek tempatan / cek jurubank.
- Untuk tujuan Kempen ini, wang atau dana yang berasal dari produk CASA/-i Pelanggan Layak yang dipindahkan, dikreditkan atau dibayar ke dalam CASA/-i Layak dan/atau TIA-i Pelanggan Layak hendaklah juga dianggap sebagai Dana Baharu dengan syarat bahawa wang atau dana tersebut telah dipindahkan, dikreditkan atau dibayar ke produk CASA/-i Pelanggan Layak secara langsung atau tidak langsung dari bank dan/atau institusi kewangan lain dalam **tujuh (7) hari perniagaan**.
9. Berikut **TIDAK** akan diklasifikasikan sebagai **“Dana Baharu”**:
- Wang atau dana dari mana-mana Simpanan Tetap (“FD/-i”)/TIA-i atau pengeluaran awal mana-mana FD/-i dan/atau TIA-i sedia ada dalam CIMB; dan/atau
  - Pemindahan dana intra bank, iaitu pemindahan dana dari akaun lain yang dikenakan dengan CIMB; dan/atau
  - Pemindahan dana antara cawangan di dalam dan antara CIMB termasuk pemindahan pihak ketiga,
- melainkan dan kecuali untuk dana yang berasal dari CASA/-i Layak Pelanggan Layak yang didepositkan, dipindahkan, dikreditkan atau dibayar ke CASA/-i Layak dan/atau TIA-i Pelanggan Layak menurut Klaus 8 di atas.
10. Pelanggan Layak dengan ini bersetuju dan memberi kuasa kepada CIMB untuk menahan dan/atau menangguhkan pembayaran sebarang wang dari baki kredit CASA/-i Layak Pelanggan Layak.

#### Kadar Indikatif Kempen TIA-i

11. Untuk menikmati Kadar Indikatif Kempen, Peserta Layak mesti mematuhi syarat yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah:

**Jadual 1: Syarat dan Nisbah Penempatan Kadar Indikatif Kempen**

Nisbah Perkongsian Keuntungan (PSR)	TIA-i untuk Enam (6) Bulan	Peruntukan CASA/-i Layak untuk Enam (6) Bulan
Nisbah Penempatan	*50%:50%	
	50%	50%

<b>Penempatan Minimum setiap Peserta Layak</b>	RM10,000.00	RM10,000.00
<b>Penempatan Maksimum setiap Peserta Layak</b>	RM2,500,000.00	RM2,500,000.00
<b>Kadar Indikatif Kempen</b>	6.28% setahun** apabila diperuntukkan dengan CASA-i Layak	Kadar Faedah/Keuntungan Piawai semasa produk CASA/-i Layak masing masing **
	5.98% setahun** apabila diperuntukkan dengan CASA Layak	
<b>Kadar Efektif***</b>	Sehingga 4.02% setahun	

\*CIMB boleh menyemak semula PSR semasa tempoh kontrak perkongsian untung (Mudarabah) tanpa persetujuan pemegang akaun dengan syarat bahawa PSR yang diperuntukkan kepada pemegang akaun disemak semula ke atas daripada PSR pra-dipersetujui 50%:50%.

\*\*Sekiranya terdapat perubahan Kadar Dasar Semalam (OPR), Kadar Indikatif Kempen boleh disemak semula berdasarkan Klausus 12 dibawah, untuk Kadar Faedah/Keuntungan Piawai semasa produk CASA/-i Layak masing-masing semasa Tempoh Kempen boleh didapati di laman sesawang CIMB di [www.cimb.com.my](http://www.cimb.com.my).

\*\*\*Kadar Efektif yang merupakan purata faedah/keuntungan sebenar yang diperolehi oleh Peserta Layak pada **kedua-dua** penempatan TIA-i dan peruntukan CASA/-i Layak akan mencapai sehingga maksimum 4.02% setahun. Kadar Efektif sedia ada untuk Peserta Layak akan berbeza mengikut jumlah penempatan TIA-i, jumlah penempatan peruntukan CASA/-i Layak dan jenis CASA/-i Layak. Sekiranya terdapat perubahan pada Kadar Indikatif Kempen menurut Terma dan Syarat ini dan/atau perubahan kepada Kadar Faedah/Keuntungan Piawai semasa CASA/-i Layak semasa tempoh enam (6) bulan di mana dana Peserta Layak telah diperuntukkan, Kadar Efektif mungkin juga berubah dengan sewajarnya.

**Contoh 1:**

CASA-i	Dana Baharu	Kadar Indikatif Kempen	Kadar Efektif
Pelanggan A (Peruntukan ke dalam Akaun Semasa-i Preferred dengan baki sedia-ada sebanyak RM250,000)	<ul style="list-style-type: none"> <li>RM200,000 dalam Akaun Semasa-i Preferred</li> <li>RM200,000 dalam TIA-i</li> </ul>	6.28% setahun	4.02% setahun

Pelanggan A yang kini merupakan pelanggan CIMB mempunyai baki sedia ada sebanyak RM250,000.00 dalam Akaun Semasa-i Preferred beliau. Pelanggan A memperuntukkan sejumlah **Dana Baharu sebanyak RM200,000.00 ke dalam Akaun Semasa-i Preferred beliau** (dengan Kadar Keuntungan Piawai semasa sehingga 1.75% setahun) selama enam (6) bulan. Pelanggan A hanya boleh menempatkan **Dana Baharu maksimum sebanyak RM200,000.00 dalam TIA-i beliau pada Kadar Indikatif Kempen sehingga 6.28% setahun** untuk enam (6) bulan sejak nisbah penempatan di bawah Kempen ini ditetapkan pada 50%:50% seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 Klausus 11 di atas. Kadar Efektif yang dinikmati oleh Pelanggan A dalam penempatan peruntukan Akaun Semasa-i Preferred dan penempatan TIA-i beliau adalah **4.02% setahun**.

**Contoh 2:**

<b>CASA</b>	<b>Dana Baharu</b>	<b>Kadar Indikatif Kempen</b>	<b>Kadar Efektif</b>
Pelanggan B (Peruntukan ke dalam Akaun Simpanan Asas tanpa baki sedia-ada)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• RM10,000 dalam Akaun Simpanan Asas</li> <li>• RM10,000 dalam TIA-i</li> </ul>	5.98% setahun	3.12% setahun

Pelanggan B memperuntukkan sejumlah **Dana Baharu sebanyak RM10,000.00 ke dalam Akaun Simpanan Asas beliau** (dengan Kadar Faedah Piawai semasa pada 0.25% setahun) selama enam (6) bulan. Pelanggan B boleh menempatkan **Dana Baharu maksimum sebanyak RM10,000.00 dalam TIA-i beliau pada Kadar Indikatif Kempen sehingga 5.98% setahun** untuk enam (6) bulan. Kadar Efektif yang dinikmati oleh Pelanggan B dalam penempatan peruntukan Akaun Simpanan Asas dan penempatan TIA-i beliau adalah **3.12% setahun**.

12. Sekiranya berlaku perubahan Kadar Dasar Semalam (OPR), CIMB merizabkan hak untuk:
  - a. Melanjutkan, memendekkan atau menamatkan Kempen ini dengan kesan serta merta selepas notis oleh CIMB; atau
  - b. Menyemak semula Kadar Indikatif Kempen dengan kesan serta merta selepas notis diberikan oleh CIMB.
- Sebarang semakan semula Kadar Indikatif Kempen menurut Klausus 12(b) di atas tidak terpakai untuk penempatan TIA-i yang dilakukan sebelum tarikh kuat kuasa semakan semula tersebut.
13. Sekiranya Peserta Layak pada bila-bila masa selepas penempatan awal TIA-i dan penempatan peruntukan CASA/-i Layak gagal memenuhi dan/atau mengekalkan syarat yang dinyatakan dalam bahagian **“Mekanik Kempen”** atau Jadual 1 Klausus 11 di atas, Peserta Layak tidak akan layak kepada Kadar Indikatif Kempen dan CIMB akan dianggap telah diberi kuasa oleh Peserta Layak untuk menarik balik penempatan TIA-i dengan atau tanpa notis kepada Peserta Layak, dan Peserta Layak akan tertakluk kepada terma dan syarat yang mengawal CASA/-i yang layak dan TIA-i.
14. Kadar Indikatif Kempen hendaklah terpakai untuk penempatan TIA-i satu (1) kitaran untuk enam bulan (“**Tempoh TIA-i**”) sahaja.
15. **Pembaharuan:** Selepas kematangan Tempoh TIA-i, Kadar Indikatif Kempen akan berhenti terpakai dan Peserta Layak dengan ini bersetuju dan memberi kuasa kepada CIMB untuk memperbaharui atau meletakkan semula (“*roll over*”) secara automatik jumlah TIA-i prinsipal dan keuntungan yang diperolehi untuk tempoh yang sama seperti penempatan di bawah Kempen pada kadar niaga atau kadar kakitangan semasa yang terpakai kepada TIA-i pada masa pembaharuan.
16. **Pengeluaran Awal dan/atau Separa CASA/-i Layak dan/atau TIA-i:** Sekiranya Peserta Layak ingin mengeluarkan penempatan TIA-i dan/atau penempatan peruntukan CASA/-i sebelum kematangan Tempoh TIA-i, pengeluaran penuh bagi baki dalam penempatan TIA-i dan/atau penempatan peruntukan CASA/-i Layak mesti dilakukan. Pengeluaran separa penempatan TIA-i dan/atau penempatan peruntukan CASA/-i Layak sebelum kematangan Tempoh TIA-i tidak dibenarkan.
17. Keuntungan akan dibayar oleh CIMB kepada Peserta Layak selepas penyempurnaan Tempoh TIA-i dengan mengkreditkan keuntungan ke dalam akaun Peserta Layak atau secara alternatif, mengakibatkan keuntungan ditambahkan pada jumlah prinsipal TIA-i Peserta Layak (jika dipilih oleh Peserta Layak pada masa penempatan TIA-i).

18. Kadar Indikatif Kempen tidak sah bersama dengan sebarang tawaran, promosi dan/atau manfaat lain (contoh kadar kakitangan) dan tiada kadar istimewa, tambahan atau keutamaan lain akan diberikan di bawah Kempen ini, melainkan dinyatakan sebaliknya oleh CIMB.
19. CIMB merizabkan hak, dari semasa ke semasa, untuk mengubah Kadar Indikatif Kempen dan/atau syarat yang dinyatakan dalam Jadual 1 Klaus 11 di atas (“**Variasi**”), setelah memberikan notis terdahulu kepada Peserta Layak, dan Variasi hendaklah dianggap sebagai mengikat Peserta Layak dari tarikh yang dinyatakan oleh CIMB dalam notis.

#### **Terma dan Syarat Am**

20. Peserta Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen, mereka:
    - a. dikehendaki membaca dan memahami Terma dan Syarat ini;
    - b. telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka kepada Terma dan Syarat ini;
    - c. mengesahkan bahawa terma kontrak utama yang mempengaruhi kewajipan mereka telah dijelaskan dengan secukupnya kepada mereka;
    - d. memberi kebenaran kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka serta apa-apa data peribadi mana-mana individu yang mana Peserta Layak boleh berkongsi dengan CIMB mengikut menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB di [www.cimb.com.my](http://www.cimb.com.my);
    - e. bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan secara adil dan munasabah oleh CIMB berkenaan dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Kadar Indikatif Kempen yang diberikan kepada Peserta Layak hendaklah muktamad, terikat dan konklusif; dan
    - f. bersetuju bahawa CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Peserta Layak sekiranya CIMB tidak dapat melaksanakan sepenuhnya atau sebahagian daripada mana-mana kewajipannya dalam Terma dan Syarat ini yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:
      - i. kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data atau talian penghantaran;
      - ii. kegagalan elektrik;
      - iii. pertikaian industri, perang, mogok atau rusuhan;
      - iv. apa-apa bencana alam (“*act of God*”) di luar kawalan CIMB; atau
      - v. apa-apa faktor dalam sifat *force majeure* yang berada di luar kawalan munasabah CIMB.
21. Peserta Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen dan/atau layak kepada Kadar Indikatif Kempen, semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pengkreditan faedah/keuntungan berdasarkan Kadar Indikatif Kempen sekiranya:
    - a. Peserta Layak memungkiri terma dan syarat yang mengawal CASA/-i Layak dan/atau TIA-i;
    - b. CASA/-i Layak dan/atau TIA-i telah ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk kepada apa-apa penahanan, perintah bertentangan (“*adverse orders*”) yang dikeluarkan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang; dan/atau
    - c. CASA/-i Layak dan/atau TIA-i adalah berdelinkuen, tidak sah atau dibatalkan oleh Peserta Layak atau CIMB.
  22. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Layak yang ia tentukan telah:

- a. mengganggu proses permohonan; dan/atau
- b. bertindak memungkiri Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

Untuk mengelakkan keraguan, CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada mana-mana penggantian faedah/keuntungan berdasarkan Kadar Indikatif Kempen dan/atau sebarang pembatalan, penggantungan, pemendekan atau lanjutan Kempen ini.

23. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta Layak atau mana-mana pihak terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas) yang berbangkit daripada:

- a. penyertaan atau ketidak penyertaan Peserta Layak dalam Kempen; dan/atau
- b. sebarang kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan Khidmat Pesanan Ringkas ("SMS") atau eDM oleh Peserta Layak,

melainkan jika kerugian atau kerosakan tersebut adalah berbangkit daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaian melampau atau keingkaran sengaja oleh CIMB.

24. a. CIMB berhak mengubah, menambah, memadam, atau meminda mana-mana Terma dan Syarat ini ("**Pindaan**") dengan memberi notis awalan dua puluh satu (21) hari kalender kepada Peserta Layak menerus cara pemberian notis yang ternyata melalui;

- i. pengumuman di laman sesawang CIMB; dan/atau
- ii. notis di cawangan CIMB; dan/atau
- iii. notis di kaunter Pertukaran Mata Wang CIMB; dan/atau
- iv. iklan di suatu surat khabar pilihan CIMB; dan/atau
- v. mana-mana cara pemberitahuan lain yang mungkin dipilih oleh CIMB.

b. Pindaan hendaklah dianggap sebagai mengikat Peserta Layak dari tarikh yang dinyatakan oleh CIMB dalam notifikasi tersebut.

c. Jika perubahan tersebut dikehendaki oleh undang-undang atau mana-mana peraturan, peraturan, arahan, notis dan garis panduan ("**Peraturan**") maka ia akan berkuat kuasa mengikut undang-undang atau Peraturan dan CIMB akan memberi notis kepada Peserta Layak mengenai perubahan ini secepat mungkin

d. Peserta Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang CIMB dari masa ke semasa untuk menyemak Terma dan Syarat Kempen ini dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti apa-apa Pindaan kepada terma dan syarat ini.

25. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada Pindaan tersebut.

26. Peserta Layak hendaklah menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan CIMB ditanggung rugi terhadap mana-mana yuran, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh CIMB yang disebabkan oleh:

- a. penyertaan Peserta Layak dalam Kempen tersebut; dan/atau
- b. kelayakan, penerimaan, penebusan atau penggunaan Peserta Layak ke atas Kadar Indikatif Kempen dan/atau kepada faedah/keuntungan berdasarkan Kadar Indikatif Kempen tersebut; dan/atau
- c. Peserta Layak melanggar atau gagal mematuhi Terma dan Syarat ini.

27. Terma dan Syarat ini:

- a. adalah mengatasi sebarang peruntuhan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen ini; dan
- b. hendaklah dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat sedia ada berhubung akaun TIA-i dan/atau CASA/-i yang terpakai sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat di sini.

28. Terma dan Syarat ini adalah tertakluk dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan peraturan, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan-badan kawal selia lain yang berkaitan di mana CIMB adalah tertakluk.

29. Jika CIMB tidak melaksanakan hak yang dimilikinya dalam Terma dan Syarat ini, ini tidak menghalang CIMB daripada melaksanakan hak itu atau mana-mana hak lain yang dimiliki CIMB pada masa akan datang.

30. a) Peserta Layak boleh hubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB untuk sebarang maklum balas dan/atau aduan berkenaan dengan Kempen ini melalui surat, panggilan telefon dan/atau e-mel:

**Alamat:** Unit Resolusi Pelanggan, Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur,  
50710 Wilayah Persekutuan

**No. Telefon:** +603 6204 7788

**Alamat E-mel:** [contactus@cimb.com](mailto:contactus@cimb.com)

b) CIMB boleh menukar butiran perhubungan di atas dengan memaklumkan kepada Peserta Layak melalui pengumuman di laman sesawang CIMB atau melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.

**Akaun Semasa/Simpanan/-i CIMB dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.**

**Akaun Pelaburan Berjangka-i (TIA-i) tidak dilindungi oleh PIDM.**

**[Tamat]**